

MEMORANDUM

Daripada : Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
Kepada : Pengarah Penerangan
(UP: Unit Penerbitan Iklan – Pelita Brunei)

Tarikh: 29 Rabiulakhir 1444
24 November 2022

Rujukan Kami: JPA/1.4/UPK/KPA/001/2022

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

IKLAN TAWARAN

Dengan hormatnya sukacita merujuk mengenai perkara di atas bagi permohonan pengiklanan bagi tawaran berikut:-

**Provision of Swimming Pool Cleaning Vacuum Equipment
including Accessories and Rescue Tubes (Lifebuoys)
for Kelab Perkhidmatan Awam, Jalan Mentiri –
JPA/1.4/UPK/KPA/001/2022**

Sehubungan dengan itu, dipohonkan kerjasama daripada pihak Tuan untuk mengiklankan tawaran tersebut melalui Akhbar Pelita Brunei sebanyak **tiga kali keluaran** iaitu pada **10 Disember 2022 (Sabtu), 12 Disember 2022 (Isnin) dan 14 Disember 2022 (Rabu)**.

Bersama ini dikepilkkan syarat-syarat bagi iklan berkenaan.

Kerjasama daripada pihak Tuan dalam perkara ini adalah sangat-sangat diharapkan dan tidak lupa diucapkan terima kasih.

والله ولي التوفيق

*"Perkhidmatan Awam Berintegriti dan Berinovasi Pemangkin Pembangunan Negara"
"Kemajuan Berperancangan dan Sepadu, Persekitaran Kehidupan Berkualiti"*

[ZAILINA BINTI HAJI ABANG OMARZUKI]
Pemangku Pengarah Pembangunan dan Pengurusan
b.p. Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam

**JABATAN PERKHIDMATAN AWAM
JABATAN PERDANA MENTIRI
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

SYARAT-SYARAT TAWARAN:

RUJUKAN TAWARAN: JPA/1.4/UPK/KPA/001/2022

**“Provision of Swimming Pool Cleaning Vacuum Equipment including Accessories and
Rescue Tubes (Lifebuoys) for Kelab Perkhidmatan Awam, Jalan Mentiri”**

**BAYARAN TAWARAN: BND 5.00
(Tidak dikembalikan)**

Dibukakan kepada Syarikat-syarikat atau Vendor yang mempunyai sijil Pendaftaran Perniagaan yang sah.

Tawaran-tawaran hendaklah dimasukkan dalam sampul surat dan hendaklah ditutup rapi tanpa menunjukkan identiti atau logo syarikat. Pada sampul surat, hendaklah dinyatakan rujukan dan tajuk tawaran dan catatan tarikh tutup tawaran ini dengan jelas. Tawaran-tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran dan di alamat seperti berikut:

**PENGERUSI
JAWATANKUASA SEBUTHARGA JABATAN PERKHIDMATAN AWAM,
JABATAN PERKHIDMATAN AWAM,
BLOK 2D, JALAN KUMBANG PASANG
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

Setiap borang tawaran hendaklah diisikan dengan lengkap dan mana-mana pembetulan hendaklah ditandatangani.

Tarikh tutup tawaran ialah pada **Hari Selasa, 10 Januari 2023, jam 2.00 petang**. Mana-mana tawaran yang lewat di terima dari tarikh dan masa yang telah ditetapkan tidak akan dilayan.

Dokumen-dokumen tawaran bolehlah diperolehi dan pembayaran Bayaran Tawaran hendaklah dibayar di **Kaunter Lobi, Aras 1, Jabatan Perkhidmatan Awam, Simpang 156, Jalan Kumbang Pasang, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam** semasa hari-hari bekerja (Isnin-Khamis dan Sabtu), **jam 8.00 pagi hingga 11.30 pagi dan 2.00 petang hingga 3.30 petang**.

Penender adalah bertanggungjawab bagi memastikan Sijil Pendaftaran Perniagaan masih sah laku sebelum membuat pembelian dokumen tawaran.

Penender hendaklah menyertakan Salinan Sijil Pendaftaran Perniagaan dan Salinan Resit Pembayaran. Kegagalan Penender dalam menyediakannya boleh menyebabkan tawaran yang dihadapkan tidak sah dan tidak akan dinilai.

Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak terikat untuk menerima sebarang tawaran yang paling rendah atau sebarang tawaran yang tidak munasabah.